



NOTIS MAKLUMAN

PENGUNAAN NOMBOR AKAUN MAYA (VIRTUAL ACCOUNT) PELANGGAN LPPSA

Berkuatkuasa 3 April 2021, LPPSA akan memperkenalkan penggunaan **Nombor Akaun Maya** bagi **urusan bayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA secara sendiri** sama ada secara atas talian, melalui kaunter LPPSA atau terminal layan diri.

Nombor Akaun Maya ini **TIDAK** sama sekali membatalkan atau menggantikan Nombor Akaun Pembiayaan sedia ada. Pelanggan masih boleh menggunakan Nombor Akaun Pembiayaan sedia ada bagi lain-lain urusan yang tidak melibatkan transaksi di atas.

Contoh situasi:

- Ahmad mempunyai pembiayaan perumahan dengan LPPSA. Nombor Akaun Pembiayaan beliau sekarang adalah 655001234567. Nombor Akaun Maya beliau adalah **98**655001234567 iaitu tambahan angka '98' di hadapan Nombor Akaun Pembiayaan sedia ada.

Nombor Akaun Pembiayaan Sedia Ada (Lain-lain urusan) <i>*Nombor ini kekal dan tidak berubah</i>	Nombor Akaun Maya (Kegunaan urusan pembayaran secara sendiri sahaja)
655001234567	98 655001234567

- Ahmad bercadang untuk membuat pembayaran penyelesaian awal pembiayaan perumahan LPPSA. Beliau sekarang boleh membuat bayaran menggunakan Nombor Akaun Maya iaitu **98**655001234567 melalui mana-mana saluran berikut:

Atas Talian	Kaunter	Terminal Layan Diri
Perbankan Internet/ Perbankan Mudah Alih dari mana-mana Bank seluruh Malaysia bagi bayaran bank penerima CIMB: <ul style="list-style-type: none">• Interbank GIRO (IBG)• Pindahan Segera Wang Bank (IBFT)	Cawangan Bank CIMB seluruh Malaysia: <ul style="list-style-type: none">• Tunai• Pindahan Wang Telegraf (TT)• Pindahan Wang Interbank (RENTAS)• Interbank GIRO (IBG)	Bank CIMB seluruh Malaysia: <ul style="list-style-type: none">• Mesin Juruwang Automatik (ATM)• Mesin Deposit Tunai (CDM)• Mesin Deposit Cek (CQM)

Nota:

1. Lain-lain transaksi pembayaran secara sendiri (selain melalui potongan gaji/ pencen) adalah seperti berikut:
 - a. bayaran penyelesaian penuh/ separa;
 - b. bayaran ke hadapan (*advance payment*);
 - c. bayaran tunggakan ansuran penuh/ separa; dan
 - d. bayaran tunggakan pendahuluan LPPSA.

2. Nombor Akaun Maya tidak melibatkan pembayaran balik pembiayaan melalui potongan gaji atau pencen.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-8880 1600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

26 MAC 2021